

MESEJ DAKWAH KEPADA GOLONGAN PEMBESAR SERTA KESESUAIANNYA: CONTOH DAKWAH KEPADÀ PEMBESAR DI NUSANTARA

Zawawi Yusoff¹

¹Universiti Sultan Zainal Abidin

Abstrak: Satu perkara utama yang perlu dilihat dari kejayaan dakwah Nabi SAW kepada golongan pembesar ialah kesesuaian penggunaan mesej kepada golongan sasar. Ini kerana ia adalah antara faktor utama kejayaan dakwah tanpa mengira apa jenis pendekatan yang digunakan. Untuk mengenali mesej yang bersesuaian kepada golongan pembesar, situasi atau latar belakang sebenar mereka dari pelbagai aspek perlulah diketahui terlebih dahulu sebagaimana dapat difahami dari mesej-mesej dakwah Nabi SAW kepada pembesar.

Kata Kunci : *dakwah Islam, nusantara*

PENDAHULUAN

Kejayaan dakwah bergantung kepada banyak perkara. Di antara perkara yang penting ialah kesesuaian pemilihan mesej, isi kandungan atau *mawduk* dakwah dengan sasaran dakwah. Perkara ini dapat dilihat daripada amalan dakwah Nabi SAW. Baginda kadang kala memberi jawapan-jawapan yang berbeza kepada soalan-soalan yang sama atau hampir sama. Contohnya, apabila Nabi SAW ditanya oleh orang yang berlainan tentang amalan yang paling baik atau paling disukai Allah SWT, jawapan kepada tiga orang yang bertanya ada sedikit perbezaan antara satu dengan yang lain (Ab. Aziz Mohd Zin (b), 1999).

Oleh kerana sasaran dakwah adalah terdiri dari pelbagai golongan. Setiap satu daripada golongan tersebut pastinya mempunyai mesej serta pendekatan yang bersesuaian dengan mereka, *uslub* yang bertepatan dengan tahap keegoan mereka dan wasilah yang boleh menerobos masuk ke dalam hati nurani dan akal fikiran mereka. Mesej atau *mawduk*, pendekatan, *uslub*, dan wasilah tersebut amat membantu sekiranya para pendakwah dapat memahami serta mengenal pasti latar belakang setiap golongan sasar tersebut dari pelbagai aspek. Kejahilan terhadap identiti golongan sasar merupakan satu kepincangan yang diakui bersama dalam kalangan para pendakwah (Zawawi Yusoff et al., 2016).

Antara golongan sasar dakwah ialah golongan pembesar atau dalam istilah al-Quran golongan mala'. Mereka adalah golongan yang menduduki hierarki teratas dalam sistem sosial sesebuah masyarakat atau kumpulan. Lazimnya mereka merupakan golongan yang memegang tampuk kekuasaan. Justeru, mereka merupakan golongan yang sangat berpengaruh. Pada masa Nabi SAW dan pada peringkat permulaan dakwah di Nusantara , dakwah berkembang dengan

cepat kerana ia banyak disokong oleh golongan ini. Perkembangan Islam di Semenanjung Tanah Melayu sendiri menjelaskan hakikat ini. Ini dapat dilihat bahawa Islam tersebar dan berkembang di Semenanjung Tanah Melayu bermula di kalangan pembesar. Seterusnya Islam berkembang dengan cepat dan mudah di kalangan orang awam. Penerimaan mereka terhadap dakwah memberi impak yang besar terhadap kejayaan dakwah dan begitulah sebaliknya.

Pengaruh yang dimiliki oleh golongan pembesar menjadikan dakwah kepada mereka sangat penting. Namun ianya agak sukar kerana dakwah bersangkutan dengan kepimpinan yang berkait langsung dengan kuasa. Sementara kuasa pula merupakan ciri khusus golongan pembesar. Semacam ada pertembungan di antara keduanya. Perihal pentingnya dakwah kepada mereka dapat difahami dari amalan Nabi SAW. Seawal bermulanya dakwah di peringkat Mekah, Nabi SAW memperlihatkan keprihatinannya terhadap golongan ini bahkan ia dianggap satu strategi dakwah yang menjadi faktor kepada kejayaan dakwah Nabi SAW (Al-Tayyib Barghuth, 1996). Peranan golongan ini menjadi faktor utama dakwah berkembang dengan cepat dan jayanya. Buktinya, mereka adalah majoriti dalam pembentukan kelompok Muslim terawal yang merupakan tunjang kepada gerakan dakwah (Mahmud Shakir, 1991). Begitu juga dakwah di peringkat Madinah, dalam usaha untuk merealisasikan kesejahteraan dakwah, Nabi SAW telah berdakwah kepada para pembesar negara-negara Arab dan bukan Arab dengan menggunakan *manhaj murasalah* (Al-Sallabi, 2004).

HASIL DAN PEMBAHASAN

Konsep Mesej

Menurut Zaydan, mesej dakwah adalah ajaran Islam itu sendiri yang diwahyukan oleh Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW yang terkandung di dalam al-Quran dan al-Sunnah (1991). Manakala menurut al-Rumi, mesej dakwah ialah isi atau kandungan dakwah yang dikemukakan oleh pendakwah kepada sasaran dakwah agar dia mengetahuinya dan beramal dengannya (2008). Justeru, mesej dan isi kandungan dakwah sangat luas, mencakupi keseluruhan Islam itu sendiri yang terdapat di dalamnya bermacam-macam bahagian dan sudut, sama ada yang berhubung kait dengan akidah, syariat dan akhlak (Ahmad Ahmad Ghalush (t.t), ‘Abd al-Karim Zaydan (1991), Al-Bayanuni Muhammad Abu al-Fath (1993), ‘Ali ‘Abd. Halim Mahmud (1993).

Dakwah, jika dilihat sebagai satu disiplin ilmu, mempunyai isi kandungannya tersendiri sebagaimana disiplin ilmu-ilmu lain. Bagi ‘Abd al-‘Aziz Barghuth, ketika meneliti pandangan golongan pengkaji tentang isi kandungan ilmu dakwah, beliau telah membahagikan mereka kepada dua golongan. Golongan pertama berpendapat bahawa isi kandungan ilmu dakwah ialah mengkaji Islam dan segala ajarannya serta kaedah menyampaikannya. Manakala golongan kedua pula berpendapat bahawa isi kandungan ilmu dakwah ialah mengkaji manusia dan

masyarakat serta mengkaji cara-cara menyampaikan ajaran Islam kepada mereka ('Abd al-'Aziz Barghuth, 2005).

Berdasarkan dakwah para rasul a.s kepada golongan pembesar sebagaimana yang diceritakan di dalam al-Quran dan buku-buku sirah, dapat disimpulkan bahawa antara mesej atau mauduk dakwah kepada golongan pembesar ialah: (Zawawi Yusoff et al., 2016).

1. Isbat kewujudan Allah SWT dengan bukti adanya proses kehidupan dan kematian, di mana tiada kehidupan dan kematian tanpa wujudnya Yang menghidup dan mematikan. Surah al-Baqarah (2): 258.
2. Isbat ketuhanan (rububiyyah) Allah SWT ke atas semua (mawjudat). Surah al-Shu'ara' (26): 24.
3. Isbat kekuasaan Allah SWT yang menjadikan kehidupan dan kematian pada setiap jasad. Surah al-Baqarah (2): 258.
4. Isbat kudrat Allah SWT. Surah Taha (20): 50-53.
5. Isbat kewujudan Allah SWT dengan sifat al-Rahman dan al-Rahim. Surah al-Naml (27): 30.
6. Seruan agar mentauhidkan Allah SWT dalam ibadah dan membuang segala pemujaan terhadap patung berhala yang diwarisi dari nenek moyang mereka (Ibn Hisham, 2004).
7. Mengisbatkan kerasulan dengan pengakuan lisan dan pembuktian dengan mukjizat. Ia mengandungi maksud dakwah kepada al-risalah, iaitu risalah yang datang dari Allah SWT Tuhan semesta alam. Surah al-A'raf (7): 104-105, surah al-Zukhruf (43): 46-47, Surah Taha (20): 47 dan Surah al-Shu'ara' (26): 16.
8. Arahan agar menerima Islam dengan tunduk dan patuh kepada perintah Allah SWT. Surah al-Naml (27): 31.
9. Menjelaskan bahawa makhluk adalah lemah walau setinggi mana pun kedudukannya. Justeru, makhluk tidak layak disembah, sebaliknya yang wajib disembah ialah Tuhan yang menghidup dan mematikan. Surah al-Baqarah (2): 258.
10. Seruan agar melakukan amalan ibadah tertentu seperti solat, zakat dan puasa (Ibn Hisham, 2004).
11. Menjelaskan bahawa anugerah Allah SWT yang berbentuk rahmat adalah jauh lebih baik dari harta walau bertimbun. Surah al-Naml (27): 36.
12. Jaminan keselamatan dan kesejahteraan di dunia dan di akhirat untuk orang-orang yang menurut petunjuk agama Allah SWT. Surah Taha (20): 47.
13. Ancaman azab seksa di dunia dan di akhirat yang berkekalan kepada orang yang mendustakan ayat-ayat Allah SWT dan mensyirikkannya. Surah Taha (20): 48
14. Ancaman perang jika menentang dakwah. Surah al-Naml (27): 37.
15. Seruan agar mereka berakhhlak mulia sesama anggota masyarakat seperti bercakap benar, menunaikan amanah, memelihara hubungan persaudaraan, memuliakan tetamu, meninggalkan perbuatan yang terlarang serta pertumpahan darah (Ibn Hisham, 2004).

16. Larangan melakukan perkara keji, bercakap dusta, makan harta anak yatim dan fitnah wanita yang suci (Ibn Hisham, 2004).
17. Tegahan daripada bersifat takbur melampau yang boleh menghalang diri dari menerima kebenaran dan larangan menuruti hawa nafsu. Surah al-Naml (27): 31.

Kesesuaian Mesej dengan Sasaran

Oleh kerana mesej dan isi kandungan dakwah sangat luas, manakala sasaran dakwah pula bermacam-macam keadaan maka antara mesej dengan sasaran perlu disesuaikan. Ini bererti pendakwah harus memilih mesej-mesej tertentu yang sesuai dengan sasaran (Ab. Aziz Mohd Zin, 2005).

Bagi menjelaskan tentang keperluan kesesuaian pemilihan mesej-mesej dakwah dengan sasaran, Ab. Aziz telah memetik beberapa penjelasan tokoh-tokoh dakwah dan juga amalan Nabi SAW, antaranya;

Fathi Yakan menjelaskan, berdasarkan keadaan dan tabiat sasaran itu yang bermacam-macam, maka setiap pendakwah mestilah mengetahui terlebih dahulu sasaran yang hendak didakwahnya, bagaimanakah pemikirannya, kefahamannya, apa penyakit atau masalahnya dan apa pula halangan-halangan yang mungkin timbul? Nanti dengan itu, senanglah untuk diubati atau diselesaikannya (1977).

Zaydan menjelaskan bahawa cara dakwah yang berjaya itu bermula dengan kepastian penyakit (masalah) yang dialami oleh sasaran, kemudian mengetahui apa ubatnya (1991).

Al-Sayyid al-Wakil menerangkan, pendakwah hendaklah memilih mauduk (mesej) yang sesuai yang boleh menangani masalah-masalah sasaran dengan mengemukakan cara-cara penyelesaian yang sesuai, sehingga sasaran sedar bahawa dakwah memberi sumbangan yang besar kepada kehidupan mereka, yang nanti mereka tidak akan mencari lagi penyelesaian yang lain (1994).

Dalam pertemuan antara Ja‘far ibn Abi Talib dengan Raja Habshah, al-Najashi, ketika Ja‘far dan rombongannya berhijrah ke Habshah dari Mekah, iaitu sebelum berlakunya hijrah Nabi SAW ke Madinah, al-Najashi memintanya mengemukakan apa-apa keterangan dari Allah SWT melalui nabi yang dikatakan itu. Ja‘far membaca surah Maryam (awal Surah Maryam menceritakan tentang kisah Nabi ‘Isa a.s.) dan setelah mendengar bacaan tersebut al-Najashi menangis kemudian berkata yang maksudnya: Demi Allah yang mengutuskan Nabi Isa, sesungguhnya ini (agama yang dibawa melalui Muhammad SAW) datang dari tempat yang sama (dengan agama yang dibawa melalui Nabi Isa). Kebijaksanaan Ja‘far memilih Surah Maryam untuk dibacakan kepada al- Najashi bertujuan untuk disesuaikan dengan baginda yang beragama Kristian. Dengan itu Ja‘far menggunakan metode yang betul dalam dakwahnya (Abu Zahrah Muhammad (c), (t.t). Dalam hal ini, Sayidina ‘Ali (KW) berpesan: (Ibn Hajar, 1989).

حدثوا الناس بما يعروفون ، أتحبون أن يكذب الله ورسوله؟

Maksudnya:

Bercakaplah dengan orang lain berdasarkan kefahaman mereka (dalam lingkungan yang mereka boleh faham). Apakah kamu semua suka Allah dan Rasul-Nya didustai?

Pesanan tersebut bererti bahawa pendakwah hendaklah melihat sasarannya untuk mengemukakan dakwahnya, supaya dapat disesuaikan. Dia tidak boleh mengemukakan dakwahnya sekehendak hati tanpa disesuaikan dengan keadaan sasaran.

Keterangan-keterangan di atas menunjukkan bahawa keadaan sasaran hendaklah dilihat oleh pendakwah sebagai suatu pertimbangan dalam penggunaan mesej dakwahnya, supaya ia senang difahami, menarik dan terpengaruh.

Dalam satu hadis yang diriwayatkan oleh Ibn ‘Abbas, Nabi SAW berpesan kepada Mu‘adh ibn Jabal dengan katanya: (Ibn Hajar, 1989, ‘Ali ‘Abd al-Hamid Baltaji, 1993).

إِنَّكُمْ أَهْلُ كِتَابٍ، فَإِذَا جَنَّتُهُمْ فَادعُهُمْ إِلَى أَنْ يَشْهُدُوا أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّداً رَسُولُ اللَّهِ، فَإِنْ هُمْ أَطَاعُوكُمْ لَكُمْ بِذَلِكَ فَأَخْبِرُهُمْ أَنَّ اللَّهَ قَدْ فَرِضَ عَلَيْهِمْ خَمْسَ صَلَواتٍ فِي كُلِّ يَوْمٍ وَلَيْلَةٍ، فَإِنْ هُمْ أَطَاعُوكُمْ لَكُمْ بِذَلِكَ فَأَخْبِرُهُمْ أَنَّ اللَّهَ قَدْ فَرِضَ عَلَيْهِمْ صَدْقَةً تُؤْخَذُ مِنْ أَغْنِيَاهُمْ فَتَرَدُ عَلَى فَقَرَائِبِهِمْ، فَإِنْ هُمْ أَطَاعُوكُمْ لَكُمْ بِذَلِكَ فَإِنَّكُمْ وَكَرَائِمُ أَمْوَالِهِمْ، وَاتَّقُ دُعَوةَ الْمَظْلُومِ، فَإِنَّهُ لَيْسَ بِبَيْنِهِ وَبَيْنِ اللَّهِ حِجَابٌ.

Maksudnya:

Sesungguhnya engkau akan mendatangi satu kumpulan ahli kitab. Apabila engkau sampai kepada mereka, serulah mereka supaya mengucap Dua Kalimah Syahadat. Apabila mereka menerima dan melaksanakan seruan tersebut, maka beritahulah mereka yang Allah SWT mewajibkan ke atas mereka sembahyang lima waktu sehari semalam. Seterusnya, apabila mereka mentaati suruhan tersebut, maka beritahulah mereka bahawa Allah SWT juga mewajibkan ke atas mereka sedekah (zakat) yang akan diambil dari kalangan yang kaya untuk diberikan kepada yang miskin. Seterusnya, apabila mereka mentaati suruhan tersebut, peliharalah diri kamu dari mengambil harta benda mereka. Takutilah kamu akan doa orang yang dizalimi, kerana tiada hijab antaranya dengan Allah.

Melalui hadis di atas Nabi SAW, walaupun dengan sangat ringkas menjelaskan kepada Mu‘adh tentang kepercayaan akidah masyarakat yang akan didatanginya, supaya diketahui tentangnya dan bersiap sedia untuknya bagi memudahkan pemberian apa yang sesuai dan apa yang terbaik kepada masyarakat tersebut.

Secara kasarnya, kesesuaian mesej dakwah dengan sasaran terbahagi kepada tiga: (Ab. Aziz Mohd Zin, 2005).

1. Kesesuaian dengan anutan agama dan pegangan hidup.
2. Kesesuaian dengan peringkat sasaran.
3. Kesesuaian dengan masalah dan penyakit sasaran.

Dari sudut lain, pendekatan mesej boleh dibahagikan secara asasnya kepada dua; pendekatan mesej kepada orang bukan Islam dan pendekatan mesej kepada orang Islam.

Pendekatan mesej kepada orang bukan Islam berlebar dalam tiga perkara iaitu: (Ab. Aziz Mohd Zin, 2005).

1. Membina kepercayaan kepada sumber isi.
2. Membina asas kepercayaan.
3. Menghilangkan kesamaran dan masalah yang dialami oleh sasaran.

Konsep Pembesar

Sebagaimana yang telah dinyatakan di dalam pengertian tajuk, pembesar (mala') menurut ahli bahasa secara umumnya, ialah seorang yang berpengaruh dan menjadi rujukan orang ramai. Kebiasaannya ia merupakan seorang elit, ketua, pemimpin, penguasa dan seumpamanya kepada sesuatu kelompok manusia secara rasmi atau pun tidak rasmi. Antara ciri-ciri golongan pembesar menurut ahli bahasa ialah mulia (Abu al-Dahab, 2002), tinggi kedudukan sosial, diharapkan daripada mereka dengan kebaikan dan pandangan bernes (Ahmad Abu Haqah, 2007), memiliki kemampuan serta kekayaan (Al-Bustani Butrus, 1869), memiliki kedudukan serta pangkat (Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah, 1970), dikagumi (Al-Asfahani al-Raghib, (t.t)), menonjol, dipandang hebat serta diharapkan dapat mencapai cita-cita (Al-Zamakhshari, 1992), dan sebagai tempat rujuk (Ibn Manzur, 1990). Manakala antara ciri-ciri golongan pembesar menurut para ahli tafsir ialah mulia (Al-Barusawi Isma'il Haqqi, (t.t)), hebat, bertolong bantu (Al-Baghdadi al-Alusi, (t.t)), dan dianggap dapat memenuhi realiti kehidupan (Al-Sha'rawi (t.t)).

Dengan ciri-ciri yang dimiliki oleh golongan pembesar, pastinya mereka merupakan golongan yang sangat berpengaruh dan dihormati. Pembesar dikaitkan dengan kuasa, sementara kuasa itu sendiri merupakan sesuatu yang disukai oleh manusia secara fitrah. Oleh yang demikian amat penting untuk melihat kedudukan pembesar dari sudut status sosial, tabiat serta pemikiran tentang kuasa dan juga dari sudut pandangan Islam.

Nusantara

Nusantara menurut Zainal Kling adalah istilah kebudayaan untuk gugusan kepulauan Melayu, secara umumnya dirujuk sebagai daerah kebudayaan Melayu, yang merangkumi tidak kurang dari 200 juta manusia yang bertutur dalam pelbagai bahasa rumpun Melayu dan mengamalkan adat istiadat yang berbeza (1991).

Dari sudut geopolitik semasa, wilayah yang dinisbahkan kepada Nusantara itu terdiri dari negara Malaysia (merangkumi juga wilayah Selatan Thai; yang bukan merupakan pulau tetapi bahagian kebenuaan dari Asia Tenggara; menganjur dari Segenting Kra dan menghubungkan Semenanjung Malaysia dengan tanah besar benua Asia), Indonesia, Singapura dan Filipina.

Dakwah Kepada Pembesar di Nusantara

Kedudukan Nusantara di antara benua kecil India dan tanah besar Cina menjadikannya tempat pertembungan dan persenyawaan budaya serta pengaruh barat dan timur. Gugusan kepulauan di antara Lautan Pasifik dan Lautan Hindi menjadikan ia pelabuhan semulajadi. Dengan berkembangnya perniagaan wujudlah kerajaan-kerajaan pesisiran pantai dan berkembanglah pemikiran, budaya dan agama. Masyarakat setempat yang berpegang dengan kepercayaan nenek moyang, memuja ruh dan semangat turut terdedah kepada agama-agama dari luar khususnya Hindu dan Buddha. Kerajaan-kerajaan awal Nusantara seperti Kedah Tua, Langkasuka, Singasari dan Kalinga menunjukkan pengaruh campuran kepercayaan setempat dan agama Hindu (Mahayudin Hj. Yahaya, 1983/84).

Pengaruh Hindu dan Buddha mencapai kemuncaknya pada zaman empayar Majapahit, (J.D. Legge, 1972), namun agama Islam merupakan pengaruh terbesar yang telah merubah peta landskap Nusantara (Hamka, 1981). Walaupun agama Hindu dan Buddha di zaman Srivijaya (Nik Hassan Shuhaimi, 1979/80), sudah bertapak dan mengakar di Nusantara beberapa kurun (Muhammad Yusoff Hashim, 1992), agama Islam berjaya mengambil alih dan secara beransur-ansur merubah pandangan hidup penduduk di Nusantara. Kini Islam menjadi anutan terbesar di Asia Tenggara dengan jumlah penganutnya mencapai 250 juta orang, hampir menyamai bilangan umat Islam di negara-negara Arab.

Menurut Hafidzi Mohd Noor, para Orientalis cuba menidakkannya peranan dakwah yang dimainkan oleh para pendakwah sepenuh masa dan mubaligh yang datang khas dari Tanah Arab dengan tujuan untuk berdakwah ke Nusantara. Mereka memberi gambaran bahawa Islam di Nusantara hanya berkembang melalui proses asimilasi iaitu masyarakat setempat beransur-ansur menerima Islam dari pergaulan mereka dengan penganut Islam yang datang untuk berdagang. Bagi menjayakan usaha ini, mereka telah mengetengahkan beberapa teori tentang perkembangan Islam ke Nusantara (2007). Teori-teori tersebut ialah teori pedagang, teori politik, teori perkahwinan dan teori saingan. Pandangan Syed Muhammad Naquib al-Attas yang mendakwa mempunyai bukti kukuh bahawa Islam dibawa ke Nusantara secara terus oleh misi khas dari Tanah Arab, mungkin boleh mengukuhkan lagi pendapat Hafidzi. Menurut al-Attas, kumpulan yang membawa risalah Islam itu bukan sekadar hanya untuk menyeru manusia kepada Islam malah juga untuk mendirikan daulah Islamiah yang seterusnya akan menjadi hub dakwah serantau (2011). Penulis berpendapat bahawa teori-teori perkembangan Islam seperti yang dikemukakan oleh para Orientalis tiada salahnya, tetapi penafian tiadanya peranan dakwah yang dimainkan oleh para pendakwah sepenuh masa dan mubaligh yang datang khas dari Tanah Arab dengan tujuan untuk berdakwah ke Nusantara adalah tidak benar. Ini kerana teori-teori tersebut tidak dapat menafikan peranan pendakwah sepenuh masa, malah ia membuktikan bahawa para pendakwah tersebut telah melakukan dakwah mengikut manhaj-manhaj yang betul, terutama berkaitan dakwah kepada pembesar.

Jika dibandingkan dengan cara pengembangan Islam yang dibuat di dunia Arab dan Afrika, senario pengembangan Islam di rantau Nusantara jauh berbeza. Di sini, penyebaran agama Islam kebanyakannya dibuat melalui jalan dakwah dan bukannya jalan penaklukan, namun ianya dapat diterima dengan senang hati dan berlapang dada oleh sebilangan besar masyarakat tempatan (Muzaffar Hj. Mohamad et al., 2001). Secara umumnya, sejarah menggambarkan proses dakwah di Nusantara berlaku dengan lancar tanpa banyak halangan terutama dari kelompok penguasa atau aristokrat (pembesar). Bagi Wan Hussein Azmi, ia berlaku kerana saudagar-saudagar Arab telah menjalin hubungan yang baik dengan pemerintah-pemerintah setempat (Wan Hussein Azmi (1980). Lebih tepat lagi, keadaan ini berlaku kerana kegigihan golongan ulama, mualigh dan da'i yang berdakwah mengembangkan risalah Islam di seluruh Nusantara hingga berjaya mengislamkan raja-raja melayu seperti Meurah Silu (Raja Pasai), Parameswara atau Megat Iskandar Shah (Melaka) dan Raja Kedah. Pengislaman raja-raja ini telah menyebabkan *mass conversion* (rakyat beramai-ramai memeluk Islam). Kemuncaknya, lahirlah kerajaan-kerajaan Islam seperti kerajaan Samudera-Pasai, kerajaan Melayu Melaka, Demak, Ternate dan Aceh. Mahayudin Hj. Yahaya mengatakan: (Mahayudin Hj. Yahaya, 2001).

Islam pernah menjadi dasar pemerintahan dunia Melayu suatu ketika dahulu. Bermula sejak kurun ke-15 lagi. Kegemilangan Kesultanan Melayu Islam seperti Melaka, Johor, Pahang, Perak, Kedah, Kelantan dan Sebagainya, bertunjangkan pemerintahan Islam. Sistem pemerintahan, sistem perundangan, sistem perdagangan, sistem pendidikan dan kehidupan sosial, semuanya berteraskan kepada ajaran Islam. Kemasyhuran dunia Melayu sebagai Pusat Perdagangan Antarabangsa dan Pusat Penyebaran Islam diketahui umum sehingga ke benua Eropah. Lantaran itu kuasa-kuasa besar Barat berlumba-lumba untuk datang ke Timur khususnya ke Kepulauan Melayu bagi mengaut kekayaan yang melimpah ruah.

Gambaran tersebut membuktikan peranan pendakwah yang cukup besar dalam proses pengembangan Islam di Nusantara terutamanya kejayaan mereka mengislamkan golongan pembesar. Kesimpulannya, para pendakwah tersebut telah berjaya dalam misi dakwah mereka terutamanya kepada golongan pembesar. Kejayaan tersebut pastinya berteraskan metode dakwah yang betul di samping penggunaan mesej dakwah yang sesuai dengan golongan sasar (sesuai dengan teori politik dan teori saingan), justeru para Raja Melayu tersebut dapat menerima dakwah mereka dengan senang dan Islam telah berkembang di kalangan rakyat dengan mudah.

Dakwah kepada Raja Melaka Iaitu Raja Parameswara

Parameswara adalah seorang putera raja Palembang yang telah mengahwini seorang adik Ratu Majapajit, Batara Tamarill. Parameswara, telah melancarkan pemberontakan untuk melepaskan wilayahnya dari cengkaman Majapahit di saat berlakunya ketegangan politik di kalangan pemerintah Majapahit pada tahun 1389. Akibatnya, Palembang telah diserang oleh

tentera Majapahit pada 1397 dan Parameswara telah diusir keluar dari Palembang. Parameswara telah melarikan diri ke Singapura (Temasik), membunuh penguasa Siam, Temagi. Hanya berada beberapa tahun di situ, Parameswara dan pengikutnya kemudian dihambat keluar pula oleh tentera Siam yang didatangkan dari Ayuthia. Parameswara lantas ke Melaka, lalu membuka penempatan di situ (Armando Cortesao (ed.), 1944).

Menurut Ra'uf Shalabi dalam bukunya *al-Islam fi Arkabil al-Malaya*, Parameswara dikatakan telah memeluk Islam pada akhir kurun ke empat Masehi hasil dakwah oleh seorang ulama besar dari Jeddah, iaitu al-Sayyid 'Abd. al-'Aziz. Semenjak itu Melaka telah menjadi sebuah daulah Islamiah (1983). Kisah pengislaman Parameswara disebut dalam Sejarah Melayu seperti berikut; (Ahmad, A.S., 1986).

Setelah haripun asarlah maka datanglah sebuah kapal dari Jeddah, serta ia datang berlabuhlah; maka turunlah makhdum (gelaran orang Melayu terhadap ulama') dari dalam kapal itu, Syed Abdul Aziz namanya, lalu ia sembahyang di pantai Melaka itu. Maka hairanlah segala orang Melaka melihat dia. Maka kata segala orang itu. "Mengapa orang itu tunggang – tonggek?". Maka berebutlah orang yang melihat itu, sesak, penuh tiada bersela lagi, dan haru-birulah bunyinya sampai ke dalam. Maka raja pun segeralah naik gajah, lalu berangkat keluar diiringkan oleh segala Orang Besar-besar. Maka dilihat raja kelakuan makhdum sembahyang itu nyatalah seperti yang di dalam mimpiya itu. Maka titah raja kepada Bendahara pada segala Orang Besar-besar. "Nyatalah demikian seperti dalam mimpi kita itu". Setelah sudah makhdum itu sembahyang, maka raja pun menderumkan gajahnya, makhdum dibawa baginda naik gajah, lalu dibawa baginda masuk ke dalam negeri. Maka segala Orang Besar-besar semuanya masuk Islam, sekalian isi negeri lelaki-perempuan tua-muda, kecil-besar sekaliannya masuk Islam dititahkan baginda. Zubir Usman menyatakan dalam buku Melaka dan Sejarahnya: (Khoo Kay Kim (ed.), 1982).

Menurut sejarah di Melaka ketika Paremeswara mula sampai ke sana sudah banyak pengikut Islam, makin lama makin tertarik ia akan ajaran Islam itu; kerana ia menyedari kekuatan Islam, Parameswara segera menganut agama Islam dengan memakai nama Iskandar Syah.

Mesej dakwah yang dapat difahami daripada kenyataan di atas ialah contoh teladan dengan mendirikan sembahyang dan keuntungan dalam bentuk bertambah kuasa dan kekuatan.

Mengikut pendapat yang menyatakan bahawa raja Melaka yang pertama memeluk Islam ialah Parameswara, mereka menegaskan bahawa sebagai pengasas, Parameswara (1390-1414) telah meletakkan dasar-dasar pentadbiran yang bertanggungjawab menjadikan Melaka sebagai sebuah kerajaan yang teguh dan aman. Bagaimanapun kerajaan Melaka mencapai kemajuan yang lebih bererti sejak penerimaan Islam oleh rajanya yang kedua, Megat Iskandar Syah (1414-1424), yang dibawa oleh al-Sayyid 'Abd. al-'Aziz dari Tanah Arab. Dengan pengislaman

Melaka inilah yang meletakkannya sebagai pengganti atau sekurang-kurangnya menandingi keunggulan Pasai ketika itu (Abdul Rahman Hj. Abdullah, 2006).

Dakwah kepada Raja Kedah

Raja Kedah yang pertama memeluk Islam ialah Maharaja Derbar Raja II yang kemudiannya telah menukar namanya kepada Sultan Muzaffar Shah I (Muhammad Hassan b. Dato' Karani Muhammad Arshad, 1963). Baginda dikatakan telah diislamkan oleh seorang pendakwah dari Yaman, bernama Shaykh 'Abd Allah ibn Shaykh Ahmad ibn Shaykh Ja'far Qawmiri al-Yamani pada tahun 1136M (531H). Pengislaman baginda kemudiannya diikuti oleh para pembesar dan rakyat (Othman Mohd Yatim dan Abdul Halim Nasir, 1990).

Kebaikan serta keindahan budi bahasa dan kelakuan Shaykh 'Abd Allah serta ahli rombungannya telah mendorong maharaja Derbar Raja II membenarkan Shaykh 'Abd Allah menghadap baginda di istana (Buyong (hj.) Adil, 1980). Kebenaran menghadap maharaja Derbar Raja II dan para menterinya merupakan satu kepercayaan daripada mereka kepada Shaykh 'Abd Allah dan juga peluang keemasan yang mesti digunakan sebaik mungkin bagi menyeru mereka kepada Islam. Shaykh 'Abd Allah dikatakan telah berjaya menarik perhatian mereka untuk menerima Islam dengan menerangkan tentang kebaikan dan kemurnian agama Islam kepada mereka (Buyong (hj.) Adil, 1980). Thomas W. Arnold menceritakan di dalam bukunya *The Preaching of Islam* (1984) bahawa Shaykh 'Abd Allah al-Yamani ini telah mengunjungi negeri Kedah dan menghadap Sultan. Ketika menghadap, beliau telah bertanya baginda tentang agama anutan rakyat negeri Kedah. Sultan menjawab, katanya: Agama beta dan rakyat beta adalah agama yang diwarisi daripada generasi yang lepas iaitu agama menyembah berhala. Lalu al-Shaykh bertanya: Adakah Tuanku Sultan pernah mendengar tentang Islam dan Kitab al-Quran yang diturunkan oleh Allah SWT kepada pesuruh-Nya Muhammad SAW yang mana ia telah memansuhkan semua agama terdahulu? Sultan menjawab: Kalau benar sebagaimana yang dinyatakan, beta harap kamu ajarkan kami agama baharu tersebut.

Dengan perasaan terharu dari jawapan yang diterima, al-Shaykh pun mula mengajar Islam kepada Sultan. Setelah berpuas hati terhadap ajaran Islam yang diajar, Sultan memerintahkan agar semua berhala yang berada di dalam istananya dikumpulkan untuk dimusnahkan. Setelah semua gundik istana diajar dengan ajaran Islam, Sultan segera memanggil menghadap empat pembesarnya yang senior. Setiba mereka di balai menghadap, mereka merasa hairan melihat al-Shaykh duduk bersebelahan dengan Sultan. Setelah Sultan menerangkan tentang misi dakwah yang dibawa oleh al-Shaykh tersebut, keempat-empat pembesar tersebut menyatakan kesediaan mereka untuk mengikut jejak langkah Sultan memeluk agama Islam. Al-Shaykh menuntut keikhlasan mereka agar menyeru rakyat jelata tampil menghadap dengan membawa bersama-sama mereka semua patung-patung sembahannya mereka. Permintaan al-Shaykh itu

disahut dengan mudah dan apabila tiba ketikanya di mana semua patung sudah dikumpulkan, ia pun dihancurkan dan dibakar.

Dari keterangan di atas dapat difahami antara mesej dakwah kepada sultan Kedah ialah *qudwah hasanah* dengan memperlihatkan kebaikan akhlak di samping menerangkan kebaikan serta kemurnian agama Islam dan isbat kerasulan.

Selain itu, menurut Hamka (1980), Merah Silu atau Maliku Salih Raja Samudera-Pasai juga menganut agama Islam hasil dakwah dua orang mubaligh iaitu Shaykh Isma'il dan Fakir Muhammad dari keturunan Sayyiduna Abu Bakr al-Siddiq. Dan menurut Hamka juga, Raja Tidore Raja Maluku menganut agama Islam hasil dakwah Shaykh Mansur (Abad 16). katanya:

Tersebut di dalam catatan sejarah Raja Tidore yang masih belum beragama, bernama Chirelli Lijatu, pemeluk agama Islam dan ditukar namanya menjadi Sultan Jamaluddin kerana seruan dari seorang Sheikh dari tanah Arab bernama Sheikh Mansor. Terjadi pada permulaan abad keenam belas.

Dan menurutnya lagi, Raja Sukadana (Kalimantan) juga menganut agama Islam hasil dakwah Shaykh Shams al-Din. Baginda memakai gelaran Sultan Muhammad Syafiudin. Katanya:

Tersebut di dalam sejarah masuknya agama Islam ke Sukadana (Kalimantan), kerana datang seorang Sheikh dari Mekah, namanya Sheikh Shamsuddin membawakan hadiah "oleh-oleh" dari sana iaitu sekeping Kitab Suci Quran dan sebentuk cincin bermata *aqiq Yamani*. Baginda pun merasa mendapat kehormatan besar atas kedatangan Sheikh bersama dengan hadiahnya itu, sehingga baginda pun memeluk agama Islam dan menurut pula seluruh rakyatnya. Lalu baginda memakai gelar Islam, iaitu Sultan Muhammad Shafiudin (wafat pada tahun 1677 M).

Walaupun terdapat penjelasan tentang terdapatnya aktiviti dakwah kepada Raja Samudera-Pasai, Raja Maluku dan Raja Sukadana (Kalimantan) namun penulis belum menemui sebarang data yang dapat menjelaskan bentuk-bentuk mesej yang dapat dikaitkan dengan aspek kesesuaianya dengan golongan sasar dakwah selain mesej penghormatan. Namun ia jelas membuktikan aspek pengaruh golongan pembesar ke atas orang awam.

KESIMPULAN

Dakwah dengan maksud usaha yang dilakukan oleh seseorang atau kumpulan dengan pendekatan tertentu untuk membawa manusia kepada keredaan Allah SWT sangat penting dan memiliki status yang sangat tinggi dalam Islam. Justeru, para ulama bersepakat mengatakan bahawa hukum dakwah adalah wajib. Oleh kerana mesej dan isi kandungan dakwah sangat luas, mencakupi keseluruhan Islam itu sendiri yang terdapat di dalamnya bermacam-macam bahagian dan sudut sementara sasaran dakwah pula adalah terdiri dari pelbagai golongan dan latar belakang yang berbeza maka setiap satu daripada golongan tersebut pastinya mempunyai

mesej serta pendekatan yang bersesuaian dengan mereka. Antara golongan sasar ialah golongan pembesar. Mereka adalah golongan yang menduduki tangga teratas dalam sistem hierarki sosial sesebuah masyarakat atau komuniti. Kebiasaan mereka memegang teraju kepimpinan dan dipandang mulia oleh rakyat atau ahli kumpulan. Oleh sebab itu, mereka dapat menikmati pelbagai keistimewaan dan kenikmatan yang bersifat duniawi yang sangat didambakan oleh semua orang dan sukar untuk dilepaskan. Dengan kedudukan demikian mereka pada kebiasaan akan mengenakan tekanan pengaruh ke atas semua orang bawahan secara rela atau sebaliknya. Justeru, dapat disimpulkan bahawa golongan pembesar merupakan orang yang paling berpengaruh dalam sesebuah masyarakat dan komuniti sama ada besar mahu pun kecil. Al-Quran sendiri telah membuktikan perkara ini dengan menceritakan banyak kisah pertembungan golongan pembesar yang menggerakkan golongan awam sama ada dengan paksaan atau tipu helah agar bangun menentang dakwah para rasul a.s.

Pengaruh yang ada pada golongan pembesar menjadikan mereka antara golongan sasar dakwah yang paling utama. Jika mereka menerima Islam hilanglah sebahagian halangan dakwah kepada orang awam dan begitulah sebaliknya. Walaupun al-Quran menjelaskan tentang kesukaran berdakwah kepada golongan pembesar dengan memaparkan bermacam-macam bentuk *mehnah* dan *tribulasi* yang terpaksa dihadapi oleh para rasul a.s ketika berdakwah kepada mereka. Namun, bukanlah bermakna bahawa berdakwah kepada mereka merupakan satu tindakan yang tidak hikmah atau suatu usaha yang mustahil untuk mencapai kejayaan. Malah telah terbukti bahawa kejayaan dakwah kepada golongan pembesar dapat dicapai dan telah memberi impak yang sangat besar terhadap penyebaran Islam dalam tempoh yang singkat dan tanpa menghadapi banyak halangan. Ia dapat dilihat dalam sejarah dakwah Nabi SAW sama ada di peringkat Mekah mahupun peringkat Madinah di mana Nabi SAW telah menunjukkan keprihatinannya berdakwah kepada golongan pembesar dengan pelbagai metode dan telah mencapai kejayaan yang memberangsangkan. Kejayaan tersebut dianggap sebagai faktor utama Islam tersebar dengan cepat di dalam mahupun di luar Semenanjung Tanah Arab. Keperluan dan kepentingan berdakwah kepada golongan pembesar juga terbukti jika dilihat dari aspek kemasukan dan penyebaran Islam di Nusantara.

Satu perkara utama yang perlu dilihat dari kejayaan dakwah Nabi SAW kepada golongan pembesar ialah kesesuaian penggunaan mesej kepada golongan sasar. Ini kerana ia adalah antara faktor utama kejayaan dakwah tanpa mengira apa jenis pendekatan yang digunakan. Untuk mengenali mesej yang bersesuaian kepada golongan pembesar, situasi atau latar belakang sebenar mereka dari pelbagai perlulah diketahui terlebih dahulu sebagaimana dapat difahami dari mesej-mesej dakwah Nabi SAW kepada pembesar.

REFERENSI

- Ab. Aziz Mohd Zin (b). 1999. *Psikologi Dakwah*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

- Al-Sallabi, ‘Ali Muhammad Muhammad. 2004. *al-Sirah al-Nabawiyyah ‘Ard Waqai‘ wa Tahsil Ahdath Durus wa ‘Ibar*, j. 1. Al-Mansurah: Dar al-Yaqin.
- Al-Tayyib, Barghuth. 1996. *Manhaj al-Nabi fi Himayah al-Da‘wah wa al-Muhafazah ‘ala Munjazatiha Khilal al-Fatrah al-Makkiyyah*. Al-Wilayah al-Muttaqidah al-Amrikiyyah: al-Ma‘had al-‘Alami li al-Fikr al-Islami.
- ‘Abd al-Karim, Zaydan. 1991. *Usul al-Da‘wah*, c. 4. Baghdad: Maktabah al-Quds.
- Al-Rumi, Muhammad ibn Ibrahim ibn Sulayman. 2008. *Fiqh al-Da‘wah fi Sahih al-Imam al-Bukhari*. Al-Riyad: Dar Kunuz Ishbiliya.
- Ahmad Ahmad Ghalush. (t.th). *al-Da‘wah al-Islamiyyah Usuluha wa Wasailuha*. Al-Qahirah: Dar al-Kitab al-Misr.
- Al-Bayyanuni, Muhammad Abu al-Fath. 1993. *al-Madkhal ila ‘Ilm al-Da‘wah*, c. 2. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- ‘Ali ‘Abd. Halim Mahmud. 1993. *Fiqh al-Da‘wah ila Allah*, j. 1, c. 4. Al-Mansurah: Dar al-Wafa’ li al-Tiba‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzi‘.
- ‘Abd al-‘Aziz, Barghuth. 2005. *Manahij al-Da‘wah fi al-Mujtama‘ al-Muta‘addid al-Adyan wa al-Ajnas*. Maliziya: al-Jami‘ah al-Islamiyyah al-‘Alamiyyah Maliziya.
- Ab. Aziz Mohd Zin. 2005. *Metodologi Dakwah*, c. 3. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya (UM).
- Al-Sayyid al-Wakil. 1994. *Taqnин al-Da‘wah*. Dar al-Mujtama‘: Jeddah.
- Abu Zahrah, Muhammad (c). (t.th). *al-Da‘wah ila al-Islam*. T.T.P: Dar al-Fikr al-‘Arabi.
- Abu al-Dahab, Ashraf Taha. 2002. *Mu‘jam al-Islami al-Jawanib al-Diniyyah wa al-Siyasiyyah wa al-Ijtima‘iyyah wa al-Iqtisadiyyah*. Al-Qahirah: Dar al-Shuruq.
- Abu Haqah, Ahmad. 2007. *Mu‘jam al-Nafais al-Kabir*. Beirut: Dar al-Nafais.
- Al-Bustani, Butrus. 1869. *Qutr al-Muhit*. Beirut: Maktabah Lubnan.
- Al-Asfahani, al-Raghib. (t.th). *al-Mufradat fi Gharib al-Quran*. Muhammad Sayyid Kilani (tahqiq). Tehran: al-Maktabah al-Murtadawayh.
- Al-Zamakhshari, Abu al-Qasim Mahmud ibn ‘Umar ibn Muhammad. 1992. *Asas al-Balaghah*. Beirut: Dar al-Sadir.
- Al-Barusawi, Isma‘il Haqqi. (t.th). *Tafsir Ruh al-Bayan*, j.1. T.T.P. : Dar al-Fikr.
- Al-Baghdadi al-Alusi. (t.th). *Tafsir Ruh al-Ma‘ani*, j.2. Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi.
- Al-Sha‘rawi, Muhammad Mutawalli. (t.th), *Tafsir al-Sha‘rawi*, j. 2. Al-Qahirah: Akhbar al-Yawm Quta‘ al-Thaqafah.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 2011. *Historical Fact And Fiction*. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia Press.

- Armando Cortesao (ed.). 1944. *The Suma Oriental of Tom Pires : An Account of The East, From The Red Sea to Japan, Written in Malacca and India in 1512-1515*. London: Hakluyt Socieaty.
- Ahmad, A.S. 1986. *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman Hj. Abdullah. 2006. *Islam Dalam Sejarah Asia Tenggara Tradisional*. Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid.
- Buyong (hj.) Adil. 1980. *Sejarah Kedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fathi Yakan. 1977. *Kayfa Nad'u ila al-Islam*, Bayrut: T.P.
- Hafidzi Mohd Nor. 2007. *Jejak Risalah Di Nusantara I*. Kuala Lumpur: Pertubuhan Jamaah Islah Malaysia.
- Hamka. 1980. *Sejarah Umat Islam*, c. 3. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Hamka. 1981. *Dari Perbendaharaan Lama*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Ibn Battutah, Muhammad ibn 'Abd Allah ibn Muhammad ibn Ibrahim al-Lawati al-Tanji. 1967. *Rihlah Ibn Battutah*, j. 1. Al-Qahirah: Matba'ah al-Istiqamah.
- Ibn Manzur, Abu al-Fadl Jamal al-Din Muhammad ibn Mukram. 1994. *Lisan al-'Arab.*, j. 1, Bayrut: Dar al-Sadir.
- Ibn Hisham, Abu Muhammad 'Abd al-Malik. 2004. *al-Sirah al-Nabawiyyah, Jamal Thabit et al. (tahqiq)*, j. 1. Al-Qahirah: Dar al-Hadith, h. 235-236.
- Ibn Hajar al-'Asqalani, al-Imam al-Hafiz Shihab al-Din Ahmad ibn 'Ali. 1989. *Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhari*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah
- J.D. Legge. 1972. *Indonesia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khoo Kay Kim (ed.) 1982. *Melaka dan Sejarahnya*. Melaka: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Melaka.
- Mahayudin Hj. Yahaya. 2001. *Islam di Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah. 1970. *Mu'jam Alfaz al-Quran al-Karim*, j. 2, c. 2. T.T.P. : Al-Hayah al-Misriyyah al-'Ammah li al-Ta'lif wa al-Nashr.
- Mahayudin Hj. Yahaya. 1983/84. *Kesan Dan Pengaruh Agama Terhadap Pemikiran Melayu Tradisional*, Jurnal Jebat, Bil. 12.
- Muhammad Hassan b. Dato' Karani Muhammad Arshad. 1963. *al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Yusoff Hashim. 1992. *Pensejarahan Melayu Kajian Tentang Tradisi Sejarah Melayu Nusantara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Mahmud Shakir. 1991. *al-Tarikh al-Islami Qabl al-Bi'thah wa al-Sirah*, j. 2, c. 7. Bayrut: al-Maktabah al-Islami.
- Muzaffar Hj. Mohamad et. al. 2001. *Ahlul-Bait (Keluarga) Rasulullah SAW Dan Raja-Raja Melayu*. Kuala Lumpur: Al-Wasilah Enterpraise.
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman. 1979/80. *Srivijaya: Satu Tinjauan Tentang Organisasi Sosial Dan Pentadbiran*, Jurnal Jebat, Bil.9.
- Othman Mohd Yatim dan Abdul Halim Nasir. 1990. *Epografi Islam Terawal di Nusantara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ra'uf Shalabi. 1983. *al-Islam fi Arkhabil al-Malayu*, c. 3. Al-Kuwayt: Dar al-Qalam.
- T.W.Arnold. 1984. *The Preaching of Islam*, c. 2. Delhi: Renaissance Publishing House.
- Wan Hussein Azmi. 1980. *Perkembangan Dakwah Islamiah Di Alam Melayu, Isu Dakwah di Malaysia*. Selangor: PBMTT.
- Zainal Kling. 1991. *Melayu, Sejarah Dan Kebudayaan Melayu, Jilid Pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zawawi Yusoff et. al. 2016. *Manhaj dan mesej dakwah kepada pembesar*. Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin.